



GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI UMT

1. PENDAHULUAN

Pertubuhan berdaftar di bawah Universiti Malaysia Terengganu hendaklah berfungsi mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan UMT.

2. TAKRIF PERTUBUHAN

“Pertubuhan” ditakrifkan sebagai persatuan, kelab atau badan-badan yang bergerak berasaskan keahlian mengandungi 7 orang ahli atau lebih serta mempunyai tujuan-tujuan tertentu sama ada kekal atau sementara.

3. PANDUAN MENUBUHKAN PERTUBUHAN

3.1 Satu mesyuarat penubuhan yang dihadiri oleh sekurang-kurangnya tujuh (7) orang hendaklah diadakan dan nama-nama mereka yang hadir hendaklah dicatatkan dalam minit mesyuarat.

3.2 Mesyuarat penubuhan tersebut hendaklah membuat ketetapan-ketetapan berikut:

- a. bersetuju menubuhkan pertubuhan lengkap dengan tujuan;
- b. meluluskan nama pertubuhan yang akan didaftarkan (nama pertubuhan hendaklah selaras dengan tujuan dan keahlian pertubuhan);
- c. meluluskan alamat tempat urusan dan alamat surat menyurat pertubuhan;
- d. melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa Penaja/Protem untuk menguruskan pendaftaran pertubuhan (nama individu mengikut no. kad pengenalan dan jawatan hendaklah dinyatakan); dan
- e. menyediakan/meluluskan Undang-undang Tubuh (Perlembagaan) Pertubuhan yang hendak didaftarkan

3.3 Mencatatkan perjalanan mesyuarat penubuhan (Minit Mesyuarat Penubuhan) pertubuhan serta keputusan terhadap ketetapan-ketetapan yang dibuat. Minit mesyuarat hendaklah mengandungi tarikh, masa mesyuarat dan jumlah kehadiran (senarai kehadiran perlu disertakan di lampiran berasingan)

4. TATACARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN

4.1 Tiap-tiap permohonan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. **SATU (1)** salinan borang permohonan Borang 1 – Permohonan bagi Pendaftaran Pertubuhan yang sempurna diisi dan ditandatangani oleh 2 pemegang jawatan utama pertubuhan;
- b. **SATU (1)** salinan senarai Ahli-Ahli Jawatankuasa Penaja Pertubuhan; (Senarai ini hendaklah mengandungi butir-butir seperti nama, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang, nama dan alamat majikan serta alamat rumah.
- c. **SATU (1)** salinan undang-undang (perlembagaan) pertubuhan;
- d. **SATU (1)** salinan contoh lambang, bendera, lencana dan lain-lain tanda yang berwarna dan keterangan mengenai maksud tanda-tanda tersebut di dalamnya (jika berkenaan);
- e. **SATU (1)** salinan minit mesyuarat penubuhan yang mencatatkan ketetapan seperti disebutkan pada di para 4.2; dan
- f. Surat kebenaran menggunakan alamat daripada tuan punya alamat, jika berkenaan. (Jika menggunakan alamat pejabat, sekolah, hospital, ladang, syarikat atau kilang, surat kebenaran majikan/tuan punya alamat hendaklah disertakan)

4.2 Tiap-tiap salinan dokumen di (a), (b), (c), (d) dan (e) mestilah ditandatangani oleh 2 orang pemegang jawatan utama pertubuhan. Pemegang jawatan utama bermaksud Presiden/Yang DiPertua/Pengerusi, Timbalan Presiden/Timbalan Yang DiPertua/Timbalan Pengerusi, Naib Presiden/Naib Yang DiPertua/Naib Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.

5. PANDUAN UMUM

- 5.1 Semua aktiviti kutipan dan sumbangan kewangan mestilah mendapat **kebenaran Naib Canselor**.
- 5.2 Setiap pertubuhan tidak dibenarkan membuat aktiviti yang berasaskan perkauman.
- 5.5 Pihak Pengurusan Universiti boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang difikirkan sesuai dari semasa ke semasa.
- 5.6 Setiap pertubuhan diwajibkan menghantar laporan tahunan berkaitan kedudukan kewangan dan aktiviti pertubuhan dalam masa enam (6) bulan berikutnya. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pendaftaran pertubuhan dibatalkan oleh Pihak Pengurusan Universiti.

6. URUSETIA PERMOHONAN

Permohonan pendaftaran pertubuhan hendaklah dikemukakan kepada:

**Seksyen Perkhidmatan
Pejabat Pendaftar
Aras 1, Bangunan Canseleri dan Pentadbiran
Universiti Malaysia Terengganu
(u.p: En Zainudin bin Mamat)**

PROSEDUR PERMOHONAN PENUBUHAN PERTUBUHAN DI UMT

Tindakan	Carta Alir
1. PTPO terima permohonan lengkap penubuhan pertubuhan bersama dokumen sokongan berikut: i. Borang Permohonan Pendaftaran Pertubuhan ii. Perlembagaan Pertubuhan iii. Senarai Jawatankuasa iv. Minit Mesyuarat Jawatankuasa 2. Panel Penilai pertimbang permohonan (untuk sokongan) 3. Pendaftar pertimbang permohonan (untuk kelulusan) 4. PTPO rekodkan keputusan ke dalam Daftar Induk Permohonan 5. PTPO keluaran Sijil Pendaftaran kepada pemohon 6. Pertubuhan menyerahkan minit mesyuarat agung pertubuhan kepada Seksyen Perkhidmatan setiap tahun	<pre> graph TD MULA((MULA)) --> 1[1] 1 --> 2{2} 2 -- Sokong --> 3{3} 2 -- Tidak sokong --> TAMAT((TAMAT)) 3 -- Lulus --> 4[4] 3 -- Tidak lulus --> TAMAT 4 --> 5[5] 5 --> 6[6] 6 --> TAMAT </pre>



BORANG 1
PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN

KEPADA:

SEKSYEN PERKHIDMATAN
PEJABAT PENDAFTAR
ARAS 1, BANGUNAN CANSELERI DAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Kami dengan ini membuat permohonan untuk mendaftarkan pertubuhan. Butir-butir permohonan adalah seperti berikut:

2. Butir-butir mengenai pertubuhan itu ialah:

- (1) nama
- (2) alamat —
 - (a) tempat urusan
 - (b) alamat pos
- (3) penubuhan pertubuhan
 - (a) tarikh ditubuhkan
 - (b) bilangan orang yang menghadiri mesyuarat penubuhan pertubuhan itu
 - (c) Tujuan penubuhan:
 - i.
 - ii.
 - iii.
- (4) bilangan anggota dalam daftar anggota pada masa ini
- (5) adakah pertubuhan ini menggunakan apa-apa bendera, lambang, lencana atau warna atau apa-apa tanda lain?(jika ya sila lampirkan)

3. Perlembagaan pertubuhan adalah sepertimana di Lampiran 1.

4. Satu salinan senarai jawatankuasa yang mengandungi butir-butir berikut hendaklah dikemukakan bersama-sama ini:

Nama, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang, nama dan alamat majikan serta alamat rumah.

5. Kami memperakui bahawa pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami maklumat yang diberi di dalam permohonan ini adalah benar dan betul pada tiap-tiap butir.

Bertarikh pada haribulan , 20.....

Kami,

(Tandatangan) :		(Tandatangan) :	
(Nama) :		(Nama) :	
(Jawatan) :		(Jawatan) :	
(No. Telefon) :		(No. Telefon) :	

**Potong yang mana tidak berkenaan*

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTAR UMT

Sokongan dan ulasan

(Tindakan Panel Penilai)

Dengan ini Panel;

☐	menyokong
☐	tidak menyokong

Ulasan jika tidak menyokong:

.....
.....

.....
(tandatangan dan cop)

Kelulusan dan ulasan

(Tindakan Pendaftar)

Dengan ini saya;

☐	meluluskan
☐	tidak meluluskan

Ulasan jika tidak meluluskan:

.....
.....

.....
(tandatangan dan cop)